

Dalam membawa penebusan melalui penderitaan, Kristus juga meningkatkan penderitaan manusia-jelata ke tahap penebusan. Oleh itu, dalam penderitaan setiap insan, mereka juga mengambil bahagian dalam penebusan penderitaan Kristus.

- Santo Yohanes Paulus II

Perkataan minggu

Apakah perubahan pada hidup saya di Paskah ini?

EDARAN DALAMAN SAHAJA  
BUL 13/2018

**D**i dalam bacaan pertama Ahad ini, Petrus digambarkan sebagai seorang yang berani dan berkeyakinan-diri. Dia berdiri di hadapan orang ramai untuk mengumumkan bahawa dia dan murid-murid Yesus yang lain, pernah bersama-sama dengan Yesus dan mereka telah menyaksikan aksi-aksi Yesus dengan mata sendiri. Dia juga mengingatkan mereka bagaimana Yesus dibunuh, dan Allah telah membangkitkan Dia dari kematian. Dan sekarang, murid-murid Yesus sedang mengikuti perintah-Nya untuk menyebarkan mesej-Nya.

Walau bagaimanapun, dalam petikan di Injil, kita melihat Petrus yang berlainan. Ketika Maria Magdalena memberitahu mereka bahawa tubuh Yesus telah diasingkan dari kubur, Petrus bergegas ke sana bersama-sama dengan Yohanes. Setibanya di pintu masuk, Yohanes teragak-agak, tetapi Petrus, dalam gayanya yang biasa dan penuh semangat, memasuki kubur. Dia melihat di sekeliling, dan terlihat kain pembalut dan kain yang dipakai di kepala Yesus. Yohanes mengikutinya, melihat perkara yang sama, dan mempercayai. Walau bagaimanapun, "... mereka belum mengerti isi Kitab Suci yang mengatakan, bahawa la harus bangkit dari antara orang mati." Tetapi bagi Petrus, ia seolah-olah bukan sesuatu yang perlu diuja-ujai. Oleh itu, dia tidak merasakan kepentingannya untuk pergi dan berkongsi dengan murid-murid lain apa yang telah mereka temui. Yohanes dan dia pulang sahaja ke rumah.

Menerusi kejadian-kejadian ini, kita melihat dua personaliti Petrus yang berbeza. Dia yang berhadapan dengan orang ramai di Yerusalem tidak sama dengan dia yang memasuki ke dalam kubur. Pertemuannya dengan Tuhan Yang Bangkit kemudian secara beransur-ansur mula mengubahnya dari seseorang yang takut dan tidak pasti, menjadi seorang yang berani dan berkeyakinan dalam Kristus. Pengalaman Petrus mestilah menimbulkan persoalan dalam kita, "Bagaimana pula dengan saya?" **"Apakah perubahan pada hidup saya di Paskah ini?"** "Bagaimana saya membukakan diri saya kepada Tuhan untuk la bercakap dan menyentuh saya?" Atau "Mengapa tiadanya transformasi atau perubahan dalam hidup saya?" Santo Paulus dalam surat pertama kepada orang-orang Korintus mengingatkan kita bahawa, oleh kerana kita telah ditebus dalam Kristus, jadi kita tidak boleh tetap sama. Kita perlu "... buanglah ragi lama itu ..." supaya kita dapat mempunyai "... adonan yang baru ..." Paskah bertujuan untuk membawa perbezaan dalam kehidupan kita. Jika tidak, kami terlepas makna mengapa Gereja merayakan sambutan yang menakjubkan ini setiap tahun. †

Published by: Peninsular Malaysia Pastoral Team    Print: Steno Print Sdn Bhd  
api@archkl.org    Design: The Mustard Seed Studio

1 APRIL 2018


ALLELUIA! TUHAN TELAH BANGKIT!

# Newbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

MINGGU PASKAH

MENJADI MURID - MURID HARAPAN



Art: Johan Ludwig Lund (1777-1867), "The Resurrection of Christ" from Wikimedia Commons

DITEBUS DALAM KRISTUS...

Menjadi Yang

**Berbeza!**

# Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH HARI MINGGU PASKAH KE-2

MENJADI MURID - MURID HARAPAN

Insan lebih rela mendengar daripada saksi-saksi dibandingkan dengan guru-guru, dan jika mereka mendengar kepada guru-guru, ini kerana mereka adalah saksi-saksi.

- Paus Paulus VI

Dalam petikan Injil minggu ini, kita dibentangkan di mana Thomas, salah seorang murid Yesus, meragui sama ada Yesus terbangkit dari kematian dan muncul di hadapan murid-murid-Nya yang lain. Digelar "Tomas Si Peragu" kerana ketidakpercayaannya, Tomas sering digambarkan dalam agama Kristian, sebagai seseorang yang lemah imannya atau yang mempersoalkan ajaran keimanan. Walaupun demikian, jika diteliti personalitinya, Tomas juga mewakili mereka yang mencari penjelasan dan kebenaran dalam hal-hal keimanan. Di dalam dunia ini yang dipenuhi dengan pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat, informasi-informasi tersebut kadang-kala menjadi halangan atau mengelirukan orang beriman. Seperti Tomas, penganut-penganut Kristian haruslah merenungkan aspek keimanan mereka secara kritis dan ikhlas.

Sudah tentu, bukan setiap soalan yang berkaitan dengan iman boleh dijawab melalui penaakulan atau intelek semata-mata. Seperti yang Katekismus Gereja Katolik menyatakan, "... terdapat pula halangan yang tidak sedikit bahwa akal budi itu akan mempergunakan secara berdaya guna dan berhasil, kemampuan yang merupakan bakat pembawaan sejak lahir" (KKG, 37). Walau bagaimanapun, kita perlu menggunakan pemahaman intelek dan penaakulan yang dikurniakan Tuhan untuk mencari kebenaran. Apabila Tomas meminta bukti bahawa Yesus telah bangkit, Yesus sendiri, walaupun menegur Tomas kerana ketidakpercayaannya, tidak menafikan Tomas bukti yang dicarinya. Selepas melihat akan buktinya, Tomas telah percaya.

Sebagaimana Yesus dengan sendiri menunjukkan bukti kepada Tomas bahawa dia telah bangkit agar Tomas percaya, sebagai umat Kristian kita juga dipanggil untuk membuktikan siapakah kita dan apakah kepercayaan kita supaya orang lain percaya kepada Kristus. Dan kita melakukannya melalui perkataan-perkataan dan tindakan-tindakan kita. Di dalam bacaan pertama, masyarakat Kristian pada awalnya membuktikan kepercayaan mereka ketika anggota-anggotanya berkongsi harta benda mereka dan menjaga satu sama lain. Di dalam bacaan kedua mengikut Yohanes, bukti utama yang umat-umat Kristian dapat menunjukkan mereka saling mengasihi antara satu sama lain adalah dengan mengasihi Tuhan dan mematuhi perintah-perintah-Nya. Dengan kata lain, sebagai umat Kristian, kita jangan "**cakap tak serupa bikin**". Pada hari ini, umat-umat Katolik secara umumnya, terutamanya golongan muda, sedang mencari model yang boleh dicontohi. Golongan muda ini mencari mereka yang tidak gentar menjadi saksi-saksi Yesus yang sah. Bukti yang kita sampaikan kepada mereka melalui kehidupan kita akan memaparkan sama ada kita sendiri benar-benar ditebus dalam Kristus. †

Perkataan  
mingguan

Cakap tak  
serupa bikin

DITEBUS DALAM KRISTUS...

Menjadi  
Saksi-Saksi-Nya



Kesucian tidak bermakna tidak melakukan kesilapan atau langsung tidak berdosa ... tetapi berkembang dengan keupayaan dalam penukaran, pertobatan, keinginan untuk bermula sekali lagi, dan paling pentingnya keupayaan dalam perdamaian dan pengampunan.

- Paus Benediktus XVI

Perkataan mingguan

Adakah kita mendengar-Nya dan mengenali kehadiran-Nya di kalangan kita?

EDARAN DALAMAN SAHAJA  
BUL 15/2018

Ini minggu ini menggambarkan kemunculan Kristus yang Terbangkit kepada murid-murid-Nya. Jika diteliti, petikan tersebut menunjukkan bagaimana Yesus mendedahkan diri-Nya kepada mereka serta balasan mereka kepada-Nya. Pada mulanya, Dia berdiri di tengah-tengah mereka dan berkata, "Damai sejahtera Kutinggalkan bagimu", di mana murid-murid-Nya "terkejut dan takut" menyangka bahawa mereka melihat hantu. Seterusnya, Yesus meyakinkan mereka dengan mengarah mereka melihat pada tangan dan kakinya. Malah, Dia juga meminta mereka, "rabalah Aku dan lihatlah ...", dan menunjukkan kepada mereka tangan dan kakinya. Reaksi murid-murid-Nya ialah, walaupun mereka gembira tetapi "belum percaya ... dan masih heran ..."

Memandangkan mereka masih tidak yakin, Yesus bertanya jika mereka mempunyai makanan, dan kemudian di hadapan mereka, makan ikan yang diberikan kepada-Nya. Setelah itu, Yesus mengingatkan mereka tentang kata-kata yang telah diucap-Nya mengenai diri-Nya ketika Dia bersama mereka. Dia "membuka pikiran mereka, sehingga mereka mengerti Kitab Suci" dan mengajar bahawa Mesias harus menderita dan bangkit dari kematian pada hari ketiga, dan mesej pertobatan dan pengampunan harus dikhutbah di atas nama-Nya kepada semua bangsa. Kemudian Yesus menambahkan, "Kamu adalah saksi dari semuanya ini".

Itulah amat mengagumkan bagaimana Tuhan yang Terbangkit dengan penuh kasih sayang dan kesabaran mendedahkan diri-Nya kepada murid-murid-Nya yang gagal mengenali-Nya, dan menerima hakikat bahawa dia telah bangkit, walaupun Dia pernah mengajarnya ketika Dia bersama mereka. Yesus tidak menegur mereka, malah dengan lembutnya mengingatkan mereka siapakah Dia, serta kematian dan kebangkitan-Nya supaya mereka mengenali-Nya. Di dalam bacaan pertama, Petrus mengumumkan walaupun Tuhan telah menghantar Yesus, seorang yang Kudus dan Yang Benar ke dunia, mereka gagal mengenali-Nya. Sebaliknya, mereka menyerahkan-Nya kepada Pilatus untuk dibunuh. Di dalam bacaan kedua, Yohanes mengingatkan umat-umat Kristian bahawa kita boleh mengenali Tuhan jika kita mematuhi perintah-perintah-Nya. Kristus sentiasa mendedahkan diri-Nya kepada kita. Malah sehingga hari ini, Dia dengan lembut dan kesabaran muncul dan bercakap dengan kita melalui pelbagai cara. Persoalannya: **"Adakah kita mendengar-Nya dan mengenali kehadiran-Nya di kalangan kita?"** †


Published by: Peninsular Malaysia Pastoral Team    Print: Steno Print Sdn Bhd  
api@archkl.org    Design: The Mustard Seed Studio

15 APRIL 2018

# Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH    HARI MINGGU PASKAH KE-3

MENJADI MURID - MURID HARAPAN



**DITEBUS DALAM KRISTUS...**

# Mengenali Dia

EDARAN DALAMAN SAHAJA  
BUL 15/2018

# Newbec

NEW WAY OF BEING CHURCH HARI MINGGU PASKAH KE-4

MENJADI MURID - MURID HARAPAN

Marilah kita belajar untuk berhidup dalam kebaikan, mencintai semua insan, walaupun mereka tidak mengasihi kita.

- Paus Fransiskus

Kadang-kadang, kita bertemu dengan kenalan atau kawan yang meluahkan keraguan sama ada Tuhan mengasihi mereka. Lazimnya, ketidakpastian terhadap cinta Tuhan berpunca daripada persepsi bahawa Tuhan tidak menyayangi mereka atau tidak mengambil berat terhadap keperluan mereka. Sebagai contoh, doa atau permohonan bagi orang yang berpenyakit atau keperluan kewangan mungkin kelihatan tidak terjawab. Atau kecelakaan dan kemalangan menimpa ahli keluarga. "Mengapa saya?" "Mengapakah Tuhan tidak menjaga saya?" "Adakah Tuhan mengasihi saya?" kita bertanya.

Bacaan untuk Ahad ini mengingatkan kita bahawa Tuhan tidak berfikir seperti seorang insan. Oleh itu, Tuhan tidak menyayangi seperti seorang insan juga. **Cinta Tuhan tidak berubah dan tiada syaratnya.** Bagaimana Tuhan menyampaikan kasih-sayang-Nya, bergantung kepada kehendak, kebijaksanaan dan masa-Nya. Ini boleh dianggap sebagai ungkapan cinta kasih Tuhan yang paling teguh dan tertinggi untuk kita ketika Dia menghantar Anak-Nya yang tunggal, Yesus, untuk menebus dunia ini dengan kematian-Nya di kayu salib. Adakah pengorbanan yang lebih besar atau cinta yang lebih tinggi setanding dengannya?

Ini kerana Tuhan Bapa mengasihi kita, dan melalui Yesus, kita dipanggil anak-anak Tuhan, seperti yang ditulis dalam surat pertama Yohanes. Kerana cinta kasih Tuhan kepada kita apabila penulis Kisah Para Rasul berbicara tentang Yesus, berkata, "Dan keselamatan tidak ada di dalam siapapun juga selain di dalam Dia, sebab di bawah kolong langit ini tidak ada nama lain yang diberikan kepada manusia yang olehnya kita dapat diselamatkan." Ini kerana Tuhan mengasihi kita maka Yesus sendiri berkata, "Akulah gembala yang baik dan Aku mengenal domba-dombaKu dan domba-dombaKu mengenal Aku, sama seperti Bapa mengenal Aku dan Aku mengenal Bapa, dan Aku memberikan nyawaKu bagi domba-dombaKu."

Di dalam dunia di mana perkataan 'cinta' mempunyai makna yang berbeza bagi orang yang berbeza, apa yang pasti adalah Tuhan mengasihi kita! Jika Dia tidak, maka Dia tidak akan menghantar Yesus untuk menebus kita. Ya, kita mungkin tertanya-tanya samada Tuhan mengasihi kita apabila kita mencari-cari sekeping jigsaw yang hilang. Namun, Tuhan melihat pada gambaran yang lengkap dan bukan pada kepingan yang 'hilang'. Dan kerana Dia mengasihi kita, gambarannya jauh lebih indah daripada yang kita bayangkan!

Perkataan  
mingguan

Cinta Tuhan tidak berubah dan tiada syaratnya.



**DITEBUS DALAM KRISTUS...**

**DICINTAI**



# Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH HARI MINGGU PASKAH KE-5

MENJADI MURID - MURID HARAPAN

Kristus sedang memanggil anda, gereja memerlukan anda, Paus percaya kepada anda dan dia mengharapkan perkara-perkara yang agung daripada anda.

- Paus Yohanes Paulus I

Dalam petikan Injil Ahad ini, perkataan "tinggal di dalam" (abide) muncul sebanyak lapan kali. Perkataan "abide" berasal dari perkataan Inggeris lama 'a-bid' yang bermaksud: 'tunggu', 'tetap', 'tinggal', 'terus' dan 'bertahan'. Ini juga bermaksud: "bersabar dengan", "menunggu dengan kesabaran", "berkekalan", "terus berwujud", "memenuhi", "untuk kekal setia", "untuk mengekalkan" dan "tidak memberikan".

Kata-kata dan frasa-frasa ini seolah-olah menunjukkan bahawa perkataan 'abide' dikaitkan kepada sesuatu yang kuat, tetap, tegas, bertahan, kekal, ada dan berakar di tempatnya. Ia tidak boleh digerakkan atau digoncang dengan mudah. Oleh itu, apabila Yesus berkata, "Tinggallah di dalam Aku", Dia merujuk kepada perikatan hubungan yang begitu tegas, kuat dan tidak menyerah tanpa mengira keadaan dan cabaran kehidupan.

Ini bermakna jika kita hanya mengekalkan hubungan yang dangkal dengan Yesus, kita akan menjadi murid-murid Yesus yang kurang berguna. Seperti yang dikatakan oleh Yesus, "Barangsiapa tidak tinggal di dalam Aku, ia dibuang ke luar seperti ranting dan menjadi kering; kemudian dikumpulkan orang dan dicampakkan ke dalam api lalu dibakar." Di sini, Yesus merujuk kepada amalan penanam anggur yang memangkas atau memotong cabang-cabang yang lebih lemah, supaya pokok anggur, bahagian yang paling penting pada tumbuhan, menjadi kuat, sihat dan produktif. Dengan kata lain, dahan-dahan yang sambungannya 'lemah' ke pokok anggur akan dibuang.

Oleh itu, kita perlu bertanya kepada diri sendiri, "**Apakah jenis hubungan saya dengan Yesus?**" "Adakah ia yang kuat, tegas dan tetap kepadanya tanpa mengira keadaan dalam kehidupan?" Jika ya, maka Tuhan akan memangkas anda supaya menjadi lebih kuat, tegas dan tahan lasak dalam pemuridan anda. Walau demikian, jika hubungan anda bergantung kepada emosi, perasaan dan angin anda, dan anda mendapati diri anda tidak mempercayainya ketika dalam kesusahan, maka pemuridan anda kepada Yesus adalah lemah dan rapuh.

Tuhan mahu kita menjadi dahan-dahan yang sihat dan produktif, bergabung dengan rapat dan teguh dengan Yesus. Kita diingatkan bahawa ia tidak mencukupi sekadar menjadi seorang Kristian atas nama sahaja tetapi kita mesti 'tinggal' dalam Yesus dan membenarkan Yesus 'tinggal di dalam kita'. Kita perlu menjadi sangat tegas kepadanya supaya tiada apa-apa atau sesiapa yang dapat menggoncang, memecahkan atau memisahkan kita dari

Perkataan  
mingguan

Apakah jenis hubungan  
saya dengan Yesus?



DITEBUS DALAM KRISTUS...

Tinggal Di Dalam-Nya